**Tubuh PPS demi bantu polis** MS 3



**TP1M & HAPPY!** MS 2 & 5



**Operasi CCTV Seberang Perai 24 jam** MS 25




PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 SEPTEMBER 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# RM10,000 ganjaran dedah sindiket jual beli rumah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri mengalu-alukan mana-mana penjawat awam yang mempunyai maklumat berhubung sindiket penipuan jual beli rumah menawarkan cagaran bagi unit-unit rumah dibeli supaya tampil memberi keterangan bagi membantu siasatan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, ganjaran berjumlah RM10,000 dan Anugerah Integriti akan diberikan kepada mereka yang bekerjasama dalam membantu siasatan polis sehingga tertangkapnya pesalahlaku sama ada dalam kes penyalahgunaan kuasa, penipuan atau rasuah.

"Kita (Kerajaan Negeri) amat hargai kerjasama yang diberikan dan pada masa sama juga, saya menyeru agar pihak polis dapat menjalankan siasatan tanpa toleransi dengan tindakan jenayah sedemikian sekiranya ia melibatkan penjawat awam.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri telah mewujudkan pengiktirafan sedemikian melalui Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 7 Tahun 2009 di bawah Anugerah Integriti Negeri Pulau Pinang bagi mempertingkat dan mengukuhkan integriti dalam kalangan penjawat awam di negeri ini.

"Kita sentiasa menitikberatkan soal CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) dalam perkhidmatan awam dan sekiranya penjawat awam melanggar etika perkhidmatan awam, maka sewajarnya tindakan mandatori diambil," jelasnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee.

Mengikut rekod, sehingga hari ini, hanya seorang sahaja yang menerima Anugerah Integriti iaitu mantan Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, YAA Datuk Yusof Musa yang berjaya membongkar penyelewengan seorang kakitangan Mahkamah Syariah melibatkan sejumlah wang RM500,000.

Terdahulu, pada 22 Julai lalu, satu laporan polis telah dibuat oleh salah seorang wakil Aspen Vision Ventures Sdn. Bhd. (anak syarikat *Aspen Group* - AG), pemaju projek perumahan *Tri Pinnacle*, Mount Erskine dekat Tanjung Tokong rentetan pihak AG menerima panggilan orang awam bertanya status pembelian unit rumah setelah dikatakan membayar sejumlah wang antara RM10,000 ke RM30,000 kepada individu yang mendakwa dirinya sebagai Pegawai dari Bahagian Perumahan.

"Orang awam perlu tahu setiap prosedur (untuk mendapatkan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik) di Bahagian Perumahan adalah jelas seperti yang terdapat dalam borang PN-1.

"Pemohon yang kemukakan permohonan perlu melalui semakan oleh Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) dan hanya yang memerlukan dan layak akan dipilih. Jadi tidak timbul soal perlu membayar sejumlah wang sebagai jaminan untuk mendapatkan unit," tegas beliau.



**SEMANGAT Merdeka rakyat Pulau Pinang yang turut serta memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-57 peringkat Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

**KEMERDEKAAN PADA SAYA IALAH...** Kecil, besar, tua dan muda, Kemerdekaan membawa seribu makna kepada setiap individu bergelar rakyat Malaysia.

Cetek ataupun mendalam erti Kemerdekaan kepada kita, kita akur bahawa ia disambut pada 31 Ogos setiap tahun. Detik bersejarah pada tahun 1957, negara kita Malaysia akhirnya bebas daripada penjajahan.

Tahun ini, kita menyambut Kemerdekaan yang ke-57, teruskanlah semai erti-erti perjuangan perwira-perwira negara kepada anak bangsa, generasi muda yang bakal menerajui Malaysia.

Selamat Hari Merdeka, Bersatu dan Maju...

# TP1M pusat lulus lewat, penduduk guna wang sendiri baiki rumah – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **TAM POH GUEK**

**GEORGE TOWN -** Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo sekali lagi menyatakan kekesalan terhadap Unit Penyelarasan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) yang juga penyelaras Tabung Perumahan 1Malaysia (TP1M) ekoran kelewatan meluluskan permohonan dana-dana tersebut membabitkan (permohonan) negeri Pulau Pinang sehinggakan para penduduk terlibat terpaksa menggunakan wang sendiri bagi membuat penyelenggaraan unit kediaman masing-masing.

Situasi berkenaan terjadi membabitkan sebuah pangsapuri di Sungai Pinang iaitu penduduk yang tidak tahan dengan kesengsaraan ekoran kerosakan bumbung yang sering kali terjadi akhirnya nekad menggunakan peruntukan sendiri berjumlah RM31,000 untuk tujuan pembaikan.

Baki kos pembaikan berjumlah RM124,000 ditanggung Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, selepas projek terbabit (baiki bumbung) siap, tiba-tiba, permohonan bantuan TP1M diluluskan dan ia (permohonan asal) kemudian dikeluarkan daripada senarai bantuan tanpa sebarang pampasan semula.



LIMA wakil MC menunjukkan cek-cek diterima pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan HAPPY! Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

"Justeru, saya menuntut ICU supaya dapat membayar balik wang penduduk-penduduk berkenaan yang sudah membaiki kerosakan bumbung menggunakan wang mereka sendiri," tegasnya pada Majlis Penyampaian Cek Bantuan HAPPY! Kerajaan Negeri Kepada Lima Badan Pengurusan Rumah Pangsa di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Badan Pengurusan (MC) Taman Emas Bayan Lepas, MC Taman Teluk Kumbar, MC bersama Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Indah Fasa 1C, Teluk Air Tawar, MC bersama Rumah Pangsa Seri Bayu, Bayan Lepas dan MC bersama Rumah Pangsa Sri Merpati, Bayan Lepas merupakan lima badan pengurusan rumah pangsa yang menerima cek bantuan HAPPY! berkaitan.

Keseluruhan jumlah disampaikan adalah RM708,620 untuk tujuan membaiki dan membaik pulih kemudahan serta kelengkapan blok masing-masing seperti bumbung, tangki air, cat, lif, struktur dan sebagainya.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Negeri lazimnya amat mengambil berat bantuan perumahan membabitkan rakyat Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) faham beban saban hari terpaksa ditanggung penduduk di pangsapuri kos sederhana rendah dan kos rendah ekoran beberapa masalah kritikal yang dihadapi serta perlu mendapat bantuan segera untuk pembaikan serta penyelenggaraan tanpa kompromi," ujarnya.

Beliau menegaskan, Kerajaan Negeri tiada masalah untuk meluluskan HAPPY! pada kadar secepat mungkin kerana peruntukan RM50 juta telah disediakan untuk tujuan terbabit.

"Namun, agak malang sedikit bagi negeri Pulau Pinang kerana daripada 119 permohonan untuk TP1M sejak tahun 2012, hanya 14 diluluskan dengan 11 daripada jumlah kelulusan tersebut adalah untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pembangkang (Barisan Nasional) sahaja dan baki tiga lagi barulah meliputi DUN Pakatan Rakyat (PR)," ujar beliau.

HAPPY! merupakan bantuan 30 peratus atau 10 peratus dana Kerajaan Negeri bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah dan sederhana rendah selepas peruntukan TP1M (70 peratus) diluluskan ICU.

Sementara itu, pada satu majlis berasingan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri berhubung penyediaan unit-unit rumah mampu milik kepada rakyat negeri ini.

"Selain penyediaan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah, Kerajaan Negeri telahpun memperkenalkan kategori baru iaitu perumahan mampu milik.

"Had siling harga perumahan mampu milik di bahagian pulau ditetapkan pada RM400,000 dan Seberang Perai, RM250,000.

"Bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), pada peringkat ini, sebanyak 12 projek perumahan mampu milik di bahagian pulau dan Seberang Perai telahpun dirancang merangkumi 22, 575 unit jenis kos rendah, sederhana rendah, dan mampu milik," ujarnya pada Majlis Pelancaran Program Pemilikan Perumahan Mampu-Milik 'Mission Home Possible' di Komtar baru-baru ini.

Lanjutan daripada program tersebut, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri akan menjalankan *roadshow* membabitkan setiap Parlimen bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang membuat pendaftaran unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik; kemaskini maklumat pendaftaran dan penyerahan borang permohonan yang lengkap.


**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**
**Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)**
**NOTIS PERMOHONAN CADANGAN (RFP)**
**(KOD : LGD / RFP-PDP / 1 / 2014)**

Tawaran ini dibuka kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Notis Permohonan Cadangan (RFP) seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **PROJEK JALAN DAN PENGANGKUTAN AWAM DI PULAU PINANG (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang 2013 - 2030)** |
| TARIKH BUKA | : | **15 OGOS 2014 (JUMAAT)** |
| TARIKH TUTUP | : | **16 DISEMBER 2014 (SELASA)** |

Pembida yang berminat dikehendaki mengemukakan sejumlah wang yang tidak akan dikembalikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja **(RM 2,000.00)** melalui cek / kiriman wang pos kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan dokumen RFP Tender, termasuk enam (6) jilid Laporan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) .

Dokumen RFP dan Laporan PIP boleh didapati di Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang pada waktu pejabat dari **8:00 pagi- 5:00 petang** mulai dari **15 Ogos 2014.**

Pembida yang berminat diwajibkan untuk menghadiri taklimat RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **27 Ogos 2014 (Rabu)** |
| Masa | : | **9.30 pagi** |
| Tempat | : | **Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang** |

Dokumen yang lengkap hendaklah diletakkan di dalam sampul bertutup dan hendaklah ditanda dengan jelas di sudut atas sebelah kanan sebagai Projek Jalan dan Pengangkutan Awam di Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada jam **12 tengah hari, 16 Disember 2014** di Pejabat **Bahagian Kerajaan Tempatan, Tingkat 56, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

Dokumen yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. BKT mempunyai hak untuk membatalkan tender RFP pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh tutup tanpa sebarang notis.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ir. Lim Thean Heng di talian +604-6505410 / +604-2613454 (limtheanheng@gmail.com) atau Engr. Mustaqin bin Alpi di talian +604-6505681 (mus_wm@yahoo.com).

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Tubuh PPS demi bantu polis tangani jenayah – Exco

Oleh: **WATAFA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menjelaskan bahawa penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri pada tahun 2011 bukan untuk mengambil peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebaliknya bertujuan membantu pasukan keselamatan terbabit menangani jenayah di negeri ini.

Beliau yang juga Pengerusi PPS berkata demikian semasa mengulas mengenai insiden tangkapan beramai-ramai 156 anggota sukarelawan berkenaan sejurus selesai acara perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-57, 31 Ogos lepas.

"Atas dasar kesedaran mencegah jenayah, kita (Kerajaan Negeri) menubuhkan PPS dan ini bukan bertujuan mengambil alih tugas polis, sebaliknya, membantu pihak polis," ujarnya semasa ditemui di tempat kejadian dekat perkarangan Padang Kota di sini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri pada Mesyuarat MMK Bil. 16/2011 bertarikh 27 April 2011 lepas mencadangkan penubuhan PPS dan kelulusan serta pengesahan penubuhan badan sukarelawan itu pula pada 4 Mei 2011.

"Garis panduan telah siap sedia pada Mei 2011 (manakala) Majlis Pelancaran pula diadakan di Dewan Sri Pinang (dekat George Town) pada 17 September 2011)," jelas beliau.

Terdahulu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar pada 26 Ogos lepas mendakwa kewujudan PPS adalah bersalahan dengan undang-undang kerana tidak pernah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966.

Dakwaan itu, selepas insiden ahli perniagaan, Ong Eu Soon, 51, mengaku diserang dua lelaki berpakaian seragam PPS di Air Itam baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu reaksi spontan memberitahu, dakwaan Khalid itu adalah tidak masuk akal sama sekali.

Ini kerana, katanya, PPS ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, sebagaimana penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di negeri ini dan di seluruh negara.

Hari kejadian pada 31 Ogos lepas, Boon Poh serta 156 anggota PPS lain ditangkap secarta beramai-ramai dan dibawa ke Balai Polis Lebuh Pantai di sini, sebelum direman semalaman di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut dekat Jalan Patani.



**PASUKAN PPS yang terlibat dalam perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-57 sebelum ditahan.**



**AHLI-ahli PPS yang dibebaskan secara berperingkat selepas ditahan semalaman di IPD Timur Laut.**



**PENAHANAN ahli-ahli PPS di Balai Polis Lebuh Pantai sejurus selesai acara perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-57.**

## Kronologi ringkas penubuhan PPS

**PENUBUHAN** Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dicadangkan pada 8 April 2009 oleh Kerajaan Negeri. Hanya pada 27 April 2011 melalui kertas Mesyuarat MMK Bil 16/2011, penubuhan PPS diluluskan dan disahkan pada 4 Mei 2011. Garis Panduan telah disiap sedia pada Mei 2011.

Susulan kelulusan penubuhan PPS oleh Kerajaan Negeri, Majlis Pelancaran PPS telah diadakan di Dewan Sri Pinang pada 17 September 2011. Majlis tersebut dilancarkan oleh Ketua Menteri dan dihadiri Ahli-Ahli EXCO, ADUN-ADUN, Penyelaras KADUN dan semua ahli-ahli PPS yang berdaftar ketika itu.

Melalui majlis pelancaran berkenaan, Ketua Menteri telah menyampaikan sijil-sijil pelantikan sebagai ahli PPS kepada semua ADUN yang hadir. Ketua Menteri juga telah memakaikan vest kepada ADUN bagi menandakan mereka juga telah menjadi ahli PPS bermula dari tarikh pelancarannya.

Jumlah ahli yang telah didaftarkan pada ketika itu adalah seramai 937 ahli dengan jumlah pasukan sebanyak 46 pasukan. Selepas pelaksanaan saringan pentadbiran, jumlah ahli terkini adalah seramai 9,002 orang, manakala jumlah pasukan terkini adalah sebanyak 299 buah. Perincian mengikut agihan bangsa ahli-ahli PPS adalah seperti berikut :

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Melayu** | **: 33% (2,970 orang)** | **Cina** | **: 56.9% (5,123 orang)** |
| **India** | **: 9.7% (873 orang)** | **Lain-lain:** | **0.4% (36 orang)** |

Antara kursus-kursus dan taklimat yang diadakan untuk ahli-ahli PPS adalah seperti :

a. Kursus Rawatan Kecemasan
b. CPR
c. Pengurusan kes-kes kecemasan
   - Balutan Luka
   - Rawatan patah tulang
d. Kursus Rawatan Patukan/Sengatan Haiwan Berbisa
e. Penerangan tindakan-tindakan yang perlu diambil ketika bencana/kecemasan :
   - Banjir kilat
   - Ribut
   - Kebakaran
   - Kemalangan
f. Talimat penerangan SOP PPS
g. Maklumat perhubungan agensi-agensi kerajaan yang penting
h. Kaedah catitan buku log PPS untuk sesuatu kecemasan dan laporan segera kepada ADUN.

Selain itu, bagi memastikan fungsi PPS dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh kepada masyarakat, ahli-ahli PPS juga turut digalakkan bekerjasama bersama agensi-agensi kerajaan seperti Polis, Bomba, Rela dan sebagainya. Saling bekerjasama bersama agensi-agensi ini membolehkan PPS menjadi lambang ketenteraman awam.

Secara ringkas, struktur PPS dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu :

**Peringkat Negeri :** Dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan MMK Masyarakat Penyayang. Ahli Jawatankuasa mesyuarat adalah terdiri daripada ADUN-ADUN serta Unit-Unit & Agensi Kerajaan.

**Peringkat Daerah :** Dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Ahli Jawatankuasa Mesyuarat adalah terdiri daripada ADUN-ADUN di bawah daerah masing-masing serta semua Unit-Unit & Agensi Kerajaan.

**Peringkat Parlimen :** Dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Kawasan. Ahli Jawatankuasa Mesyuarat terdiri daripada ADUN-ADUN dibawah Parlimen tersebut dan Ketua Pasukan PPS.

**Peringkat DUN :** Dipengerusikan oleh ADUN kawasan masing-masing. Ahli Jawatankuasa Mesyuarat adalah terdiri daripada Ketua-Ketua Pasukan, Timbalan dan Naib Ketua Pasukan PPS di bawah DUN tersebut.

**Peringkat Pasukan :** Dipengerusikan oleh Ketua Pasukan PPS. Ahli Jawatankuasa adalah terdiri daripada ahli-ahli pasukan.

## 10 MP anggap tangkapan 156 PPS 'Ops Merdeka Hitam'

**GEORGE TOWN –** Seramai 10 Ahli Parlimen (MP) Pakatan Rakyat Pulau Pinang menyifatkan tangkapan polis ke atas 156 anggota Pasukan Peronda Sukarela (PPS) sejurus selesai majlis perarakan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos lepas sebagai kegelitaan demokrasi negara.

MP Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Khalid Abu Bakar tidak wajar mengarahkan tangkapan tidak munasabah tersebut, memandangkan PPS ditubuhkan berdasarkan bidang kuasa yang ada pada sebuah Kerajaan Negeri.

"Beliau agak tidak konsisten dalam mengamalkan tindakan undang-undang.

"Saya lihat dia begitu gemar menggunakan Akta Hasutan dengan sesuka hati," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa Abdul Khalid akan melakukan operasi tangkapan bermotif politik secara besar-besaran demi menindas pemimpin Pakatan Rakyat.

Sebelum itu, MP Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun turut membacakan 10 deklarasi bersama sambil menyifatkan insiden tersebut sebagai 'Ops Merdeka Hitam'.

Dalam kenyataannya, Chuan Aun berkata, polis sepatutnya tidak bertindak sedemikian pada majlis rasmi Kerajaan Negeri yang turut dihadiri Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Malah, beliau turut mengutuk Putrajaya kerana mengheret R.S.N. Rayer di bawah Akta Hasutan sungguhpun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima tersebut berucap dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang nyata kebal daripada segi perundangan.

"Saya juga menuntut dan mencabar Khalid agar menyahut cabaran Ketua Menteri untuk berdebat secara terbuka mengenai isu penahanan PPS, Exco dan ADUN dalam masa tujuh hari atau pun dia (Khalid) akan dilabelkan sebagai pengecut," tegas Chuan Aun.

Lanjutan itu, MP Tanjung, Ng Wei Aik meminta Abdul Khalid segera menjejaki dalang di sebalik insiden balingan bom buatan sendiri *'molotov cocktail'* ke perkarangan kediaman Ketua Menteri baru-baru ini.

MP Batu Kawan (P. Kasthuriraani) dan Sim Chee Keong (MP Bukit Mertajam) dan Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri Ait Itam merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri) turut sertai sidang media tersebut.

10 MP Pakatan Rakyat Pulau Pinang adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh), Guan Eng (Bagan), Chee Keong, Zairil, Kasthuriraani, Datuk Mansor Othman (Nibong Tebal), Wei Aik, Chuan Aun, Sim Tze Tzin (Bayan Baru) dan Ramkarpal Singh (Bukit Gelugor).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu reaksi spontan memberitahu, aktiviti kesukarelawan PPS akan direhatkan serta-merta sehinggalah ada keputusan mahkamah berhubung kesahihan pertubuhan di bawah kerajaan negeri tersebut.

# 'Selamat pulang ke P. Pinang'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI & MARK NOEL JAMES**



**ANGGOTA Angkatan Tentera Malaysia membawa abu mendiang Sanjid Singh Sandhu ke kenderaan rasmi.**



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan waris mendiang Loh Yuan Hwa dan Fan Suun Po sambil diperhatikan pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri.**

**BUKIT MERTAJAM -** Abu mayat mendiang Sanjid Singh Sadhu, anak kapal MH17 yang terkorban dalam nahas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS), tiba di padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Machang Bubok sekitar jam 2.10 petang, 2 September lepas di sini.

Manakala, abu mayat mendiang Loh Yuan Hwa dan mendiang Fan Suun Po pula tiba di lapangan terbang lama Bayan Lepas lebih awal, sekitar jam 10.15 pagi, pada hari sama.

Ketiga-tiga bekas abu mayat diarak keluar daripada dua helikopter berasingan dengan penuh adat ketenteraan dan disambut sebagai acara berkabung rasmi peringkat negeri.

Dari dekat, rata-rata yang hadir berpakaian serba hitam, saling berkongsi rasa sedih dengan tragedi bersejarah tersebut.

Kelihatan, waris mangsa yang kian sebak menyaksikan majlis memberi penghormatan terakhir di kedua-dua lokasi, cuba ditenangkan oleh beberapa Exco Kerajaan Negeri yang hadir memberi penghormatan terakhir.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) turut hadir pada kedua-dua majlis berkabung itu.

Chow Kon Yeow, Jagdeep Singh Deo, Phee Boon Poh, Dr. Afif Baharudin, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Chong Eng antara Exco Kerajaan Negeri yang hadir.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Dr. Wee Kar Siong mewakili Kerajaan Pusat.

Abu mayat mendiang Yuan Hwa dan Suun Po disemadikan di tokong Kek Lok Si dekat Air Itam.

Abu mayat Sanjid pula pada 3 September lepas dibawa dari kediaman keluarganya di Bukit Mertajam ke jeti Jabatan Laut Wilayah Utara dekat Batu Uban sebelum disemadikan di perairan negeri, berhampiran Pulau Rimau.

Bapa mendiang Sanjid, Jijar Singh, 71, isteri mendiang, Tan Nee Gok, 43, dan anak tunggalnya, Hans Singh Sandhu, 10, serta sanak saudara lain turut mengiringi bekas abu mayat pramugara tersebut ke lokasi persemadian.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk A. Thaiveegan dalam kenyataannya dilaporkan berkata, bapa mendiang Sanjid mengucapkan terima kasih kepada polis dan semua yang terlibat dalam proses membawa pulang abu mayat anak beliau ke tanah air, sehingga selamat disemadikan.

Tambah Thaiveegan, Jijar menyifatkan penghormatan yang diberikan terhadap anaknya itu sebagai sesuatu yang luar biasa.

"Bapa mendiang mengatakan ini adalah satu penghormatan yang luar biasa.

"Pertama kali orang awam diberikan penghormatan sedemikian rupa," jejas Thaiveegan.

Mendiang Yuan Hwa, Suun Po dan Sanjid adalah antara 298 penumpang serta anak kapal yang terkorban apabila pesawat MH17 yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ditembak jatuh di timur Ukraine, pada 17 Julai lalu.

Sejumlah 43 rakyat Malaysia berada di dalam pesawat Boeing 777-200 itu.

Guan Eng pada Majlis Berkabung MH17 Peringkat Negeri dalam satu kenyataan menyifatkan insiden itu sebagai tragedi pembunuhan beramai-ramai, serta menuntut keadilan dunia untuk kesemua keluarga mangsa.



**JAGDEEP Singh Deo (depan, berskaf kepala) menenteramkan salah seorang ahli keluarga mendiang Sanjid Singh Sandhu di kediamannya sambil diperhatikan Phee Boon Poh (kiri sekali).**

# Masjid Cina Muslim pertama di P. Pinang, lakar sejarah

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**



**ABDUL Malik Abul Kassim (berbaju batik kuning) bersama-sama sebahagian Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Cina Titi Papan mengaminkan doa sejurus selepas perasmiannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang melakar sejarah apabila buat julung kalinya mewujudkan sebuah masjid untuk masyarakat Cina Muslim, Masjid Cina Titi Papan di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, masjid tersebut bakal menjadi perintis di negeri ini sebagai sebuah masjid Cina bercirikan Islam dan ditadbir komuniti Cina Muslim.

“Kewujudan masjid ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dan prihatin terhadap perkembangan semasa.

“Saya harap dengan adanya masjid ini, ia dapat menjadi institusi yang mampu merapatkan ukhuwah dan memberi peluang serta ruang untuk orang bukan Islam memahami dan mendekati Islam,” katanya ketika hadir pada Majlis Jamuan Eidul Fitri Saudara Kita Pulau Pinang 2014 dan Perasmian Masjid Cina Titi Papan, Jalan Burma, dekat sini baru-baru ini.

Abdul Malik menjelaskan, di masjid itu juga, khutbah Jumaat disampaikan dalam bahasa Mandarin bermula awal Ogos lalu dan inisiatif tersebut akan membuka peluang kepada masyarakat Tionghua memahami Islam serta ajarannya.

“Kita mungkin akan teruskan khutbah dalam bahasa Mandarin sekurang-kurangnya sebulan sekali selain menganjurkan kelas-kelas asas fardhu ain dan kuliah dalam bahasa sama (Mandarin) secara mingguan,” katanya.

Selain itu, tambah Abdul Malik, pelantikan pentadbiran dalam kalangan komuniti Cina Muslim juga adalah langkah proaktif dalam memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti keagamaan yang dilaksanakan dalam bahasa Mandarin dan mengembangkan syiar Islam di Pulau Pinang.

“Hal ini membuktikan Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang sebarang aktiviti keagamaan, malah memartabatkan lagi masyarakat Islam di Pulau Pinang,” tambahnya.

Beliau memberitahu, inisiatif itu juga adalah sebagai memenuhi permintaan komuniti Cina Muslim sejak tahun 2008 lagi. Setelah beberapa pertimbangan, Masjid Jamek Titi Papan dipilih sebagai perintis Masjid Cina di sini.

Dalam pada itu, Pengerusi Qaryah Masjid Cina Titi Papan, Abdul Karim Ali, 53, ketika ditemui berkata, beliau gembira apabila masjid tersebut dipilih sebagai perintis penubuhan Masjid Cina yang pertama di negeri ini.

Masjid yang mampu menampung sehingga 300 jemaah dalam satu-satu masa dan setiap kali solat Jumaat, 10 peratus jemaah yang hadir adalah dalam kalangan Cina Muslim.

Mula dikenali sebagai Masjid Jamek Titi Papan, masjid berkenaan dibuka pada tahun 1893 di atas tanah paya ditambak dan pernah menjadi masjid untuk masyarakat Jawi Peranakan pada pertengahan abad ke-19.

Terletak di persimpangan Jalan Khoo Sian Ewe di Jalan Burma, masjid tersebut turut menjadi tumpuan pelancong asing selain Masjid Kapitan Keling, Masjid Jamek Benggali (Lebuh Leith), Masjid Jamek Lebuh Acheh dan Masjid Jamek Alimshah Walley (Lebuh Chulia).

# KN tidak lengah salur bantuan HAPPY! - Exco




**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) sambil ditemani Lim Siew Khim (tiga dari kiri) menyerahkan replika cek HAPPY! kepada Abdul Razak Mohd. Sultan (dua dari kanan) majlis penyampaian khas tersebut di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**SUNGAI PINANG** – Pengerusi Tabung Perumahan 1Malaysia (TP1M) bagi Blok 9 Halaman Damai Sungai Pinang, Abdul Razak Mohd Sultan menyatakan mana-mana badan kerajaan supaya jangan mempolitikkan isu kebajikan serta bantuan perumahan yang amat diperlukan rakyat.

Beliau berkata demikian susulan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan yang begitu cepat meluluskan peruntukan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) berjumlah RM324,000 untuk projek-projek menyelenggara blok flat berkenaan.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang cepat bertindak meluluskan HAPPY!, iaitu sejurus permohonan TP1M (kelolaan Kerajaan Pusat) yang dipohon sejak tahun 2012 diluluskan (baru-baru ini).

"Kelulusan tersebut bakal membolehkan tangki air, lif, cat dan sebagainya diselenggara," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Cek HAPPY! oleh Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Menurut Jagdeep Singh, Kerajaan Negeri sememangnya tidak akan berlengah dalam menyalurkan bantuan HAPPY! memandangkan ianya adalah satu kepentingan kepada rakyat jelata.

"Namun, agak malang sedikit bagi negeri Pulau Pinang kerana daripada 119 permohonan untuk TP1M sejak tahun 2012, hanya 14 diluluskan dengan 11 daripada jumlah kelulusan tersebut adalah untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pembangkang (Barisan Nasional) sahaja dan baki tiga lagi barulah meliputi DUN Pakatan Rakyat (PR).

"Ini jelas sekali kita dapat lihat isu ini sedikit dipolitikkan Kerajaan Pusat dalam menjaga kepentingan rakyat yang tinggal di perumahan kos sederhana rendah dan rendah," ujarnya yang turut senada bahawa isu perumahan tidak wajar dipolitikkan.

Tambah Jagdeep, rakyat Pulau Pinang seharusnya berasa bertuah kerana hanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja yang melaksanakan program bantuan perumahan seperti HAPPY! bagi menjamin keselesaan di tempat tinggal para penduduk.

HAPPY! Di bawah peruntukan Kerajaan Negeri akan menyuntik dana 10 atau 30 peratus kepada pihak pengurusan rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi menampung peruntukan 70 peratus TP1M di bawah kelolaan Kerajaan Pusat.

# HAPPY! ada di P. Pinang saja - Exco Perumahan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**




**KEADAAN Pangsapuri Saujana Heights.**

**TELUK KUMBAR** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, hanya Kerajaan Pulau Pinang sahaja menyediakan HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang demi memudahkan rakyat menikmati Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) di bawah Kerajaan Pusat.

Justeru, katanya, Kerajaan Pusat dirayu segera meluluskan kesemua permohonan TP1M supaya Kerajaan Negeri boleh membiayai 10 peratus atau 30 peratus baki kos penyelenggaraan perumahan yang sepatutnya ditanggung rakyat di negeri ini.

"Pulau Pinang tidak seperti negeri lain. "Di mana penduduk perlu mencari atau membayar 10 peratus atau 30 peratus daripada baki kos projek TP1M yang diberikan iaitu 90 peratus atau 70 peratus masing-masing," ujarnya semasa menyerahkan cek replika RM532,600 kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Saujana Heights, A. Joseph di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, RM126,400 adalah peruntukan tambahan pada TP1M bagi kos penyelenggeraan pangsapuri kos rendah, manakala, baki RM406,200 pula untuk kos sederhana rendah di sini.

"Kerajaan Negeri mengiktiraf dan mengakui kesukaran yang dihadapi penduduk kos rendah dan kos sederhana rendah untuk mencari dana ini.

"Oleh itu, kita memainkan peranan proaktif mesra rakyat dengan memberikan bantuan sedemikian kepada penduduk," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Difahamkan peruntukan yang disalurkan tersebut bakal digunakan untuk membaiki lif, mengecat semula Blok E, membaiki tangki air, sistem retikulasi dan bumbung.

Sehingga kini, direkodkan, Kerajaan Pusat baru meluluskan 14 permohonan, sungguhpun 119 permohonan dihantar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang demi keselesaan rakyat di negeri ini.




**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) bersama-sama penduduk menunjukkan replika cek sebagai kos penambahan membaiki Pangsapuri Saujana Heights di sini baru-baru ini.**

## Kunjungan Menteri bincang pembangunan RMKe-11



**KETUA Menteri dan Abdul Wahid Omar (depan, kanan) bergambar kenangan sebelum Sesi Dialog Bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang Mengenai RMKe-11 bermula di sini baru-baru ini.**

**SESI DIALOG...** Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar baru-baru ini hadir pada Sesi Dialog Bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang Mengenai RMKe-11 di sini.

Difahamkan, dialog tersebut adalah bagi membincangkan permohonan dibuat serta dikemukakan Kerajaan Negeri berhubung projek-projek pembangunan di Pulau Pinang bernilai sekitar RM25 bilion dalam RMKe-11 (2016 – 2020) yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Jun 2015.

Menyambut kedatangan beliau adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan wakil-wakil jabatan.

# KM terkejut AG terus cadangan asal dakwa Rayer

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Perbicaraan dua kes berkaitan isu 'UMNO Celaka' di bawah Akta Hasutan membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer di dua kamar berasingan Mahkamah Sesyen George Town di sini baru-baru ini akhirnya ditetapkan pada 17 Oktober ini dengan bon jaminan RM3,000 serta seorang penjamin.

Ketetapan itu, selepas pihak pembelaan diketuai Gobind Singh Deo mempersoal bon jaminan RM20,000 yang dikenakan ke atas anak guamannya, Rayer.

"Apakah peranan sebenar Mahkamah apabila Yang Arif (YA) membuat keputusan supaya anak guaman saya (Rayer) diikat jamin sampai RM20,000.

"Pada tarikh perbicaraan 16 Jun lalu, dia (Rayer) datang, saya pun datang (ke Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang)...hanya kertas tertuduh yang 'tak datang'," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Puchong sambil menjelaskan kewibawaan anak guamannya itu.

Hakim YA Tuan Zulhazmi Abdullah membuat ketetapan itu bagi kes pertama, iaitu merujuk pada ucapan kontroversi Rayer dalam sesi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang lalu.

Manakala, Hakim YA Zanariah Hussain pula membuat ketetapan bagi kes kedua, iaitu berhubung ceramah politik Rayer mengenai isu sama di Island Glades, Jelutong pada 22 Mei lepas.

Rayer di kedua-kedua kandang tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan secara adil.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media selepas itu, melahirkan rasa terkejut dengan tindakan tidak berperlembagaan yang dilakukan oleh pejabat Peguam Negara (AG) ke atas Rayer.

"Sangat terkejut bahawa Peguam Negara meneruskan cadangan asal mendakwa Yang Berhormat Rayer berhubung ucapannya dalam dewan (DUN Pulau Pinang), sungguhpun di bawah undang-undang, dia (Rayer) memiliki kekebalan.

"Saya rasa ini merupakan penghinaan pada demokrasi dan keunggulan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai institusi tertinggi dalam sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia," ujar Guan Eng di lobi Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut menegaskan bahawa semua wakil rakyat daripada partinya (DAP) konsisten menyokong Rayer kerana parti masa depan itu senantiasa memperjuangkan pemansuhan Akta Hasutan.



**R.S.N. Rayer (dua dari kanan) ketika mengadakan perbincangan dengan Gobind Singh Deo (kiri sekali) sambil ditemani Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) dan Ramkarpal Singh Deo.**


**KETUA Menteri berjabat tangan dengan R.S.N. Rayer (tengah) sebelum beliau memasuki kamar Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turut hadir untuk memberi sokongan moral kepada Rayer.

Tiga wakil pembelaan lain, Ramkarpal Singh Deo, S. Raveentharan dan V. Parthiben turut hadir di sini.

Pendengaran kes Rayer tersebut sepatutnya dilangsungkan pada 16 Jun lepas, tetapi, kertas pendakwaan didakwa gagal disediakan secara lengkap oleh pejabat Peguam Negara pada hari tersebut.

Pun begitu, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail sehari sebelum itu ada dilaporkan mengesahkan bahawa Rayer akan didakwa di Mahkmah Tinggi George Town.

Ketetapan bersejarah tersebut menggamit pelbagai reaksi dalam kalangan khalayak, antaranya, sebutan mana-mana wakil rakyat sama ada di dalam DUN atau Parlimen sepatutnya kebal dari pendakwaan di Mahkamah.

Bagaimanapun, Abdul Ghani tidak pula memberikan ulasan yang jelas mengenai status insiden sekumpulan penyokong UMNO yang bertindak menceroboh DUN Pulau Pinang pada 21 Mei lalu.




# Kompleks Pasar Bt. Ferringhi termoden, mesra pengguna




**LAKARAN artis yang menggambarkan Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU FERRINGHI –** Berita pembinaan Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi di Bandar Batu Ferringhi di sini merupakan utusan gembira penduduk sekitar setelah menunggu selama 17 tahun.

Pelaksanaan projek tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi dekat Lot 481, Seksyen 1, Bandar Batu Ferringhi baru-baru ini.

"Syabas dan tahniah kepada MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) kerana komitmen yang diberikan dalam merealisasikan inspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa.

"Saya percaya dengan pelaksanaan kompleks ini, ia akan memberi nilai tambah kepada pembangunan di Bandar Batu Ferringhi sejajar dengan perkembangan ia (Batu Feringghi) sebagai '*the engine of growth*' dalam sektor pelancongan serta pembangunan negeri," ucapnya sejurus sebelum majlis pecah tanah berlangsung.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail, Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah Sutera Design Architect, Ar. Mohamad Mulhaf Amrose.

Dalam pada itu, Patahiyah ketika berucap menyatakan bahawa MPPP mengaplikasi metodologi *Gender Responsive Budget* dan *Outcome Based Budgetting* dalam pembinaan kompleks berkenaan.

"Melalui metodologi tersebut, bukan sahaja kita (MPPP) menitikberatkan soal gender, tetapi juga soal komuniti seluruhnya yang pastinya akan menyumbang kepada transformasi lebih positif dan lestari," jelas beliau.

Patahiyah memberitahu, Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos 2015 dan menelan kos sebanyak RM9,073,574.

Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi terdiri daripada 16 unit gerai makanan dan minuman, 28 unit gerai di pasar basah dan pasar kering, sebuah dewan serbanguna yang berkapasiti 600 orang, restoran makanan segera, tiga gelanggang badminton, perpustakaan mini, bilik komuniti, bilik kebudayaan, pejabat pengurusan, bilik mesyuarat, ruang parkir dan tempat letak basikal.

Apabila siap kelak, kompleks bangunan dua tingkat tersebut adalah yang paling moden dan bercirikan mesra pengguna.

## Sumbangan IPTA RM1,000, negeri hargai modal insan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**AYU Hanis Idris (kiri) dan Awa Maisarra Mad Said (kanan) menzahirkan penghargaan selepas menerima sumbangan IPTA di sini baru-baru ini.**

**JAWI –** Seramai 549 anak Pulau Pinang terpilih menerima cek bantuan pendaftaran pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi pertama tahun 2014 peringkat negeri berjumlah RM1,000 seorang atau keseluruhannya RM549,00.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, program modal insan tersebut boleh dilaksanakan sejak tiga tahun lepas kerana Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun ada surplus, sungguhpun belanjawan defisit diamalkan di Pulau Pinang saban tahun.

"Kita tidak ada sumber dari balak, minyak dan gas, maka, Kerajaan Negeri melaksanakan program ini untuk menghargai sumber modal insan.

"Ini adalah 'dividen anti rasuah' kerana kita amal tender terbuka, tak rasuah serta ada lebihan kewangan tiap-tiap tahun...tak benar kewangan kita defisit walaupun kita mengamalkan belanjawan defisit," ujarnya di Dewan Serbaguna Jawi sumbangan peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Maktar Shapee (Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Bakap), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan P. Kasthuriraani dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam).

Tambah beliau, Kerajaan Negeri pada tahun ini turut membuka peluang kepada pelajar diploma serta ijazah sarjana muda dari institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), iaitu *Wawasan Open University* (WOU), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan *AIMST University* untuk memohon sumbangan berkenaan melalui i-BiTA secara *online* mulai 12 Ogos hingga 25 Ogos lalu.

Difahamkan, majlis sumbangan serupa peringkat pulau turut diadakan di Tapak Pesta Sungai Nibong dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak.

Dalam pada itu, Awa Maisarra Mad Said, 18, semasa ditemui di sini melahirkan rasa penghargaan kerana permohonannya diluluskan Kerajaan Negeri.

"Sangat gembira apabila dapat tahu Kerajaan Negeri nak beri bantuan ini...dengan RM1,000 boleh untuk biaya daftar masuk universiti nanti," ujarnya yang ditawar melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Pulau Pinang dekat Permatang Pauh.

Nada yang sama turut diluahkan Ayu Hanis Idris, 19, yang ditawar melanjutkan pelajaran ke UiTM Kampus Merbok, Kedah.

"Bersyukur kepada Allah, bantuan ini sedikit banyak mengurangkan beban keluarga semasa hari pendaftaran masuk (universiti) kelak," ujar beliau kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**
**KENYATAAN TAWARAN TENDER**
**KOD TENDER : PSUKPP / TENDER / 11 / 2014**

Tawaran adalah dipelawa kepada petender tempatan **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut: 221003 – Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran tender berikut:-

**PERKHIDMATAN MEREKABENTUK DAN MENCETAK BULETIN MUTIARA (JANUARI 2015 HINGGA DISEMBER 2016)**

2. Petender dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang berdaftar boleh memuat turun Dokumen Tender melalui laman web tersebut. **Dokumen tender boleh dibeli dengan harga RM50.00 secara online** dan dimuat turun melalui **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (http://ep.penang.gov.my)** mulai **15 September 2014 (Isnin).**

3. Semua petender yang berminat menyertai tender ini adalah diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada **23 September 2014 (Selasa), jam 10.00 pagi**, bertempat di **Bilik Mesyuarat Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 26, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.** Petender dikehendaki untuk membawa Sijil Asal Kementerian Kewangan berserta maklumat kod bidang yang berkaitan yang masih sah laku, Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan salinan resit rasmi pembelian dokumen tender tender melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender yang membawa dokumen-dokumen tersebut sahaja akan dibenarkan masuk untuk sesi taklimat.

4. Dokumen Tender yang lengkap diisi mestilah diserahkan bersama-sama maklumat-maklumat yang dikehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. tender serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/11/2014** yang ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 26, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang **sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 15 Oktober 2014 (Rabu).**

5. Tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantungkan tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.

**Y.B. Setiausaha Kerajaan**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan**
**Negeri Pulau Pinang**

# Pusat mesti punyai semangat Malaysia – KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyelar pihak tertentu yang bertindak memperkecil dan mengkritik Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) demi mendapatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (LTAK) sebagai lapangan terbang ke-tiga di negeri Kedah.

"Kerajaan Negeri tidak mahu komen lagi tentang pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, kerana perkara tersebut adalah antara Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Pusat dan tiap-tiap rakyat berhak menuntut pembangunan, tetapi jangan lah pula pihak berkenaan mendiskriminasi dan bagi alasan yang pelbagai terhadap LTAPP.

"Jika pembinaan LTAK dilaksanakan, Pulau Pinang turut menuntut Kerajaan Pusat supaya dapat menaiktaraf LTAPP dengan kapasiti kargo dan penumpang serta mewujudkan integrasi udara di sini," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, dalam soal pembangunan, Kerajaan Pusat mestilah mempunyai semangat Malaysia dengan tidak meminggirkan mana-mana negeri lain.

"Saya tidak mahu LTAPP menjadi seperti lapangan terbang di Melaka, sehinggakan lapangan terbang tersebut terpaksa menunggu kapal terbang sebab tiada yang hendak turun di situ.

"Kalau hendak buat permohonan lapangan terbang juga, biarlah permintaan itu sepadan dengan kapasiti sendiri dalam menguruskan dan penggunaan, namun bukan mencaci LTAPP," tegas Guan Eng.

Sementara itu, mengulas mengenai isu kekeruhan air paip pada 2 Ogos lalu, Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa ia berpunca daripada partikel terampai dalam Sungai Muda yang merupakan sumber air negeri ini.



IR. Jaseni Maidinsa (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kenaikkan partikel tersebut mencapai 3.5 kali daripada bacaan biasa.

"Kekeruhan normal air mentah dari Sungai Muda adalah kira-kira 90 NTU (Unit Kekeruhan Nephelometric).

"Di Loji Rawatan Air (LPA) Sungai Dua, PBAPP menjalankan rawatan konvensional air dirawat dengan penarafan 5 NTU dalam mematuhi piawaian Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)," jelasnya baru-baru ini.

Jaseni memberitahu, kira-kira jam 9.30 malam, 2 Ogos lalu, kekeruhan air mentah Sungai Muda mencapai 161 NTU dan sehingga 10 pagi keesokannya (3 Ogos), ia mencecah 341 NTU atau lebih 3.5 kali ganda.

"Kakitangan LPA dan sistem rawatan tidak dapat menampung air mentah dan menyebabkan sistem penapisan telah tersekat.

"Akhirnya, air dirawat yang dipamkan dari LPA kepada pengguna menjadi keruh dalam tempoh 12 jam dari jam 12 tengah malam Sabtu (2 Ogos) hingga 12 tengah hari Ahad (3 Ogos).

"Dengan segera, kakitangan pengeluaran PBAPP diarahkan untuk membetulkan keadaan dan mencuci penapis yang tersekat di loji rawatan," jelas beliau.

Tambahnya, sehingga jam 7 malam 3 Ogos (lalu), keadaan telah kembali kepada sedia kala dan PBAPP akan menjalankan siasatan dalaman bagi memastikan sama ada berlaku kesilapan teknikal pada sudut protokol atau ketidakcekapan mahupun kecuaian berhubung kejadian terbabit.

"Tindakan tegas akan diambil sekiranya kesilapan seperti ini dikesan," tegas Jaseni.

## Tajaan suntik semangat atlet istimewa

**GEORGE TOWN** – Sebagai suntikan semangat kepada atlet-atlet istimewa yang berentap dalam Kejohanan Sukan Paralimpiad Malaysia pada 19 hingga 25 Ogos lalu, Kerajaan Negeri dan beberapa syarikat korporat telah mengambil inisiatif khas menyumbangkan RM11,000 kepada pihak berkaitan di sini.

Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) melalui Presidennya, Dr. Tiun Ling Ta berkata, sumbangan tersebut merupakan insentif yang mampu menaikkan semangat kepada atlet-atlet yang berentap dalam kejohanan tersebut.

"Walaupun prospek Emas kontinjen iaitu boling tidak dipertandingkan, namun Emas dari acara lain mampu menampung kekurangan tersebut.

"Tahun 2012, kita memperoleh 25 Emas, Perak (26) dan Gangsa (21). Justeru, pada kejohanan kali ini, kami menyasarkan 20 pingat Emas sahaja," katanya pada Majlis Penyerahan Tajaan Atlet Pulau Pinang Ke Sukan Paralimpiad Malaysia, Perlis 2014 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng melahirkan rasa bangga ekoran inisiatif pihak swasta yang berganding bahu bersama-sama Kerajaan Negeri dalam menyemarakkan semangat atlet-atlet paralimpik negeri.

Pada temasya kali ini, Pulau Pinang mengambil bahagian dalam lapan acara iaitu memanah, olahraga, berenang, badminton, ping pong, tenis kerusi roda, boling padang dan angkat berat.




CHONG Eng (tujuh dari kiri) dan Dr. Tiun Ling Ta (lapan dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para penyumbang dan barisan atlet pada Majlis Penyerahan Tajaan Atlet Pulau Pinang Ke Sukan Paralimpiad Malaysia, Perlis 2014 di sini baru-baru ini.

## Kerajaan BN jual tanah 35 kali lebih banyak, harga rendah

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng menafikan sekeras-kerasnya bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) hanya bergantung kepada hasil penjualan tanah dalam menjana pendapatan dan sumber kewangan negeri ini.

Beliau berkata, ketika era pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum tahun 2008, mereka menjual 35 kali ganda lebih banyak tanah daripada PR, malah dengan harga yang jauh lebih rendah.

"Mujurlah rakyat Pulau Pinang boleh membezakan antara kebenaran dan pembohongan dan menerima hakikat bahawa BN menjual sekurang-kurangnya 3,661 ekar tanah dengan nilai RM1.0586 berbanding PR yang hanya menjual 106.1 ekar untuk pulangan yang lebih tinggi dengan nilai RM 1.1102 bilion.

"Walaupun BN menjual 35 kali ganda lebih banyak tanah daripada PR, tetapi kita (PR) mendapat lebih banyak wang kerana jualan tanah PR dilakukan melalui tender terbuka yang kompetitif," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, melalui tender terbuka juga, ia telah menjadikan faktor mengapa PR kembali dengan mandat terbesar dalam sejarah Pulau Pinang dengan 68 peratus undi popular pada Pilihanraya Umum Ke-13 tahun 2013.

| 112 | MOHAMED RAZEEN B.HAMSAH | 86072035XXXX | 39-1-02, TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060, AYER ITAM, PULAU PINANG | 08/02/2010 | 28/10/2013 |
| 113 | AHMAD RAZALI BIN NAINA MOHAMED | A041XXXX/66052007XXXX | 1-2-6, FLAT MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG PULAU PINANG | 13/10/2009 | 28/10/2013 |
| 114 | MOHAMMAD NASIR BIN AMALAHAN | A281XXXX/74041207XXXX | E-2-9, TMN ABIDIN, 10150, JLN PERAK PULAU PINANG | 21/12/2009 | 28/10/2013 |
| 115 | NIK NORHUZIMAH AISYAH BINTI NIK HUSAIN | 84031507XXXX | 739, JLN LEMBAH 3, KAMPUNG KASTAM 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG | 17/02/2010 | 28/10/2013 |
| 116 | HUZAIMAH BINTI SYED ABDUL RAHMAN | 84073007XXXX | 530, TANJUNG BUNGA 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 22/2/2010 | 08/06/2012 |
| 117 | SYED SOBRI B. SEYAD SULTAN | 84022008XXXX | 7A-7-23A, SERI TANJUNG PINANG, TANJONG TOKONG 10503, PULAU PINANG | 13/01/2010 | 28/10/2012 |
| 118 | SHAIK AZHAR BIN SHAIK AHMAD | 86050335XXXX | 23-12-10,TAMAN SERI DAMAI, LEBUHRAYA BATU LANCHANG,11600 PULAU PINANG | 24/08/2010 | 28/10/2013 |
| 119 | HASSAN BASHIR BIN IBRAHIM | 86120735XXXX | BLOK B-5-6, TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 27/09/2010 | 27/09/2010 |
| 120 | NAZRIL BIN MOHD MAIDIN | 89091107XXXX | BLOK J-2-33, LORONG HELANG 1, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 21/10/2010 | 29/10/2013 |
| 121 | LYDIA YANTI BINTI NANYAN@NAYAN | 84113007XXXX | 23, LINTANG PERMAI 2, TMN BROWN, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 28/11/2010 | 12/04/2013 |
| 122 | MUHAMMAD ADAM B. THAJUDEEN | 89033107XXXX | BLOK 3-13A TMN MUTIARA VISTA, 11600 JLN BAKAU PULAU PINANG | 10/01/2011 | 10/01/2011 |
| 123 | SUFFIAN B. ALIASH | 85010308XXXX | NO.5, BLOK D, KUARTERS JKR, 825,JLN SULTAN AZALN SHAH, BYN LEPAS, PULAU PINANG | 21/01/2011 | 08/06/2012 |
| 124 | FATIN NUR AMIRAH ABDUL RAZAK | 89032035XXXX | 101, JALAN SEANG TEIK, 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 07/02/2011 | 07/02/2011 |
| 125 | RAHIMAH BINTI RAHIM | 79021409XXXX | 472A-TANJONG TOKONG, 10470 PULAU PINANG | 24/02/2011 | 19/4/2012 |
| 126 | AINIE BT MOHD NAWI | 8603042XXXX | BLOK 6-11-2, VILLA SRI KENANGA, JLN BATU UBAN, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 22/02/2011 | 09/05/2013 |
| 127 | SAFIUDDIN BIN MOHAMED HANIFFA | 88092607XXXX | BLOK 1-12-21, TMN SRI PINANG, JLN VETERINARI 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 04/03/2011 | 04/03/2011 |
| 128 | MOHAMED ZAINUDDIN B. HAMID SULTAN | 86072035XXXX | KA-3-14, TMN FREE SCHOOL 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 24/03/2011 | 01/12/2013 |
| 129 | MARINA BT MARZOOKHY | A041XXXX/66052007XXXX | 53, PERSIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 05/04/2011 | 29/01/2013 |
| 130 | SAIFUL FAIZI B.ABU HANAFIAH | A281XXXX/74041207XXXX | 2321, MK 13, SUNGAI GELUGOR, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 20/4/2011 | 20/4/2011 |
| 131 | ROZIHATUL SHIHA BT ROSDI | 84031507XXXX | AKG-7-8, PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR , JLN KG KASTAM 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 09/05/2011 | 09/05/2011 |
| 132 | FARINI BINTI NORDIN MARICAN | 84073007XXXX | 18-A-3-8, PERSIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU PULAU PINANG | 24/5/2011 | 18/1/2012 |
| 133 | MOHD FADZLI BIN HASSAN | 84022008XXXX | A-21-11, MUTIARA HEIGHTS, 11600 JELUTONG PULAU PINANG | 25/05/2011 | 18/01/2012 |
| 134 | NUR HASNIZA BT ABDUL RAHIM | 86050335XXXX | 46-3-1, JLN BKT GAMBIR, MUTIARA RIA APARTMENT, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 23/03/2011 | 18/1/2012 |
| 135 | WAN NORHAILIS BINTI WAN ABIDIN | 86120735XXXX | 8-6-7, HALAMAN DAMAI, LINTANG KG RAWA 1, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 28/03/2011 | 28/03/2011 |
| 136 | CHEW AH BAH | 95XXXXX/48102307XXXX | 71-03-10, CENTRAL GARDEN, LEBUHRAYA JELUTONG 11600 PULAU PINANG | 01/06/1983 | 14/12/2010 |
| 137 | HO FONG MEI | 549XXXX/59022307XXXX | BLOK 9-6-21, JLN SG PINANG 1, PINANG COURT 11600 PULAU PINANG | 01/06/1983 | 19/9/2013 |
| 138 | ANG AH HIANG | 251XXXX/46083007XXXX | 39-05-55, PANGSAPURI KRISTAL, LINTANG DELIMA 14, 11700 PULAU PINANG | 06/01/1986 | 27/3/2010 |
| 139 | TOH AH NYA @TOH AH GAIH | 184XXXX /48080807XXXX | BLOK 6-1-1, LEBUH NIPAH TIGA, 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG | 01/06/1986 | 06/06/2012 |
| 140 | CHNG ENG LEE | 591XXXX/ 60090207XXXX | NO.244M-WEST JELUTONG, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 01/06/1986 | 26/09/2012 |
| 141 | GOH KIM SUAN | A098XXXX/68060207XXXX | 82-1-12, TMN MEDAN PENAGA, LEBUHRAYA BATU LANCHANG, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1994 | 14/04/2012 |
| 142 | LIM ENG TEOW | 783XXXX/51031002XXXX | BLOK 1062-21-07, GREEN GARDEN, JLN PAYA TERUBONG, 11060, PULAU PINANG | 01/06/1997 | 14/03/2013 |
| 143 | PHUAH JOO SEE | A281XXXX/74042007XXXX | AA-1-3, TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 23/03/2000 | 21/05/2013 |
| 144 | CHEW SENG HUP | 075XXXX/38100402XXXX | 351, JLN PERAK, 11600 GEORGETOWN PULAU PINANG | 31/03/2000 | 18/01/2012 |
| 145 | TEOH SIEW KHUAN | A084XXXX/6711507XXXX | 2-03-28, TAMAN SINAR PELANGI , LRG PENAWAR 2, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG | 07/06/2002 | 29/06/2012 |
| 146 | TAN JUNE LU | A307XXXX/75051407XXXX | 98-01-03, JLN FARADAY, TMN SINAR, 11700 BUKIT DUMBAR PULAU PINANG | 24/01/2003 | 18/01/2012 |
| 147 | CHAN EWE KIN | 350XXXX/ 49111208XXXX | SRI WANGSA 75-15-21, JLN PENAWAR SATU, 11600 PULAU PINANG | 14/03/2003 | 23/10/2013 |
| 148 | SEE THOE YOKE CHIN | 82100907XXXX | 56 GREEN, GARDEN TWO, 11600 PULAU PINANG | 24/05/2004 | 18/01/2012 |
| 149 | LUI TEK SOON | 721XXXX/63081407XXXX | 88-10-17, SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG, 10150 PULAU PINANG | 29/10/2004 | 27/4/2012 |
| 150 | MOEY CHENG KOOI (OKU) | A336XXXX /76050202XXXX | NO.1-03-03 A, GERBANG BATU LANCHANG, CASA PINANG APARTMENT, 11600 JELUTONG PULAU PINANG | 20/9/2004 | 28/10/2013 |
| 151 | ONG TZYY LING | A378XXXX | 11-4-15, LEBUH SUNGAI PINANG 1 11600 JELUTONG, PULAU PINANG | 20/9/2006 | 18/1/2012 |
| 152 | MELISSA ANG HWE LI | 82082807XXXX | 9A-18-07, TMN KHENG TIAN, JLN VAN PRAAGH 11600, PULAU PINANG | 20/4/2007 | 26/09/2012 |
| 153 | TEOH BEE LAN | 80070307XXXX | 2-23-5, SRI PANGKOR, JLN PANGKOR 10250 PULAU PINANG | 14/08/2008 | 30/03/2012 |
| 154 | KOAY EAN NEE | A255XXXX/ 73100407XXXX | 70-A,EAST JELUTONG, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 25/7/2008 | 21/9/2011 |
| 155 | LIM BENG LEONG | 79101307XXXX | 164-A, JLN BURMA, GOSPEL HALL, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 28/7/2009 | 18/1/2012 |
| 156 | IVY TEOH AI HUI | 82082807XXXX | 306-13-08, TMN JELUTONG, 11600 JLN JELUTONG, PULAU PINANG | 02/11/2009 | 18/1/2012 |
| 157 | CHEAH KOK KUAN | 80030707XXXX | BLOK C-17-08, JLN GANGSA, 11600 PULAU PINANG | 03/11/2009 | 18/01/2012 |
| 158 | ANG SU BOON | 84040307XXXX | 28, JALAN PENAGA, OFF JELUTONG MARKET 11600 PULAU PINANG | 30/03/2009 | 27/09/2013 |
| 159 | CHEW TECK SENG | 81082107XXXX | 42-12-12, DESA GREEN, JLN VAN PRAAGH, 11600, PULAU PINANG | 19/7/2010 | 27/9/2011 |
| 160 | SIT CHIN MEE | 65041707XXXX | D2-17, RIFLE RANGE FLATS, BOUNDRY ROAD, 11400 PULAU PINANG | 06/08/2010 | 06/082010 |
| 161 | OOI GAIK LAN | 47032507XXXX | 22-6-10, LORONG HIJAU 5, MEDAN HIKMAT, 11600 PULAU PINANG | 06/08/2010 | 30/12/2011 |
| 162 | OOI SEN SEN | 86012807XXXX | 33, JLN KURAU, 11600 PULAU PINANG | 17/08/2010 | 17/06/2011 |
| 163 | CHOW BENG SENG | 83110807XXXX | BLOK 6-G-13, TAMAN AIR HITAM, LEBUH PADANG TEMBAK, 11400 PULAU PINANG | 13/06/2010 | 03/05/2012 |
| 164 | LOH GIM WAH | 637XXXX/61102007XXXX | BLOK 344-1-2, PENGKALAN WELD, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 12/10/2010 | 18/01/2012 |
| 165 | KOAY CHING CHING | 82010707XXXX | 242-R, JLN WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG | 14/12/2010 | 14/12/2010 |
| 166 | OON SAW LENG | 67123007XXXX | 37, TAMAN GELUGOR, 11600 PULAU PINANG | 11/02/2011 | 11/02/2011 |
| 167 | CHEAH BENG GUAN | 81122307XXXX | 563, JALAN JELUTONG, 11600 PULAU PINANG | 22/02/2011 | 22/02/2011 |
| 168 | SAW HOOI YONG | 90111102XXXX | 488E-16-05, MIDLANDS CONDO, JLN BURMA, 10350 PULAU PINANG | 29/03/2011 | 07/10/2011 |
| 169 | LEE SIEW YEON | 81042402XXXX | 5-2-3, THE OCEAN VIEW, LEBUH SUNGAI PINANG 1 11600 GEOGETOWN PULAU PINANG | 16/8/2011 | 16/08/2011 |
| 170 | OOI YING YING | 87042907XXXX | NT-23, TYE KEAT YOON ROAD 10150, PULAU PINANG | 29/9/2011 | 29/09/2011 |
| 171 | HUNG YEE PEI | 8409107XXXX | 50-8-5, CANGKAT BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 01/11/2011 | 22/11/2011 |
| 172 | OOI BENG CHOO | 44041407XXXX | BLOK 1-09-23, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 PULAU PINANG | 10/11/2011 | 10/11/2011 |
| 173 | TAN GIM EU | 78042307XXXX | 66H, JALAN FREE SCHOOL, 11600 PULAU PINANG | 14/11/2011 | 14/11/2011 |
| 174 | LAI HOOI LENG | 71081407XXXX | 21, CEYLON LANE, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 15/11/2011 | 15/11/2011 |
| 175 | LIEW KOK KHIM | 73120807XXXX | 39-08-66, KRYSTAL HEIGHT, LINTANG DELIMA 14, GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 17/11/2011 | 17/11/2011 |
| 176 | NEOH ENG SWEE | 32111202XXXX | 37, PERSIARAN KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13500 PERAI, PULAU PINANG | 26/09/2011 | 10/05/2012 |
| 177 | LEONG MUN YIN | 85110607XXXX | 398-K, JALAN DATUK KERAMAT, 10150, PULAU PINANG | 30/08/2010 | 27/09/2011 |
| 178 | ONG KAI MIN | 85021007XXXX | BLOK 60-3-1, JLN KURAU 11600 PULAU PINANG | 24/12/2010 | 24/12/2010 |
| 179 | CHUA HUNG WAY | 82060709XXXX | 115-16-4, JLN KEDAH, 10050 GEORGETOWN PULAU PINANG | 25/04/2011 | 09/03/2013 |
| 180 | KOAY GAIK KEE | 87062607XXXX | 3C-4-1, HILIR PEMANCAR, 11700, PULAU PINANG | 16/4/2012 | 16/04/2012 |
| 181 | ONG CHENG SEONG | 81042402XXXX | NO.1-2-6, OFF HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL, 11600 PULAU PINANG | 16/04/2012 | 16/04/2012 |
| 182 | CHEAH JIT EAN | A030XXXX/65122007XXXX | BLOK 3-10-20, DESA PINANG 2, LEBUH SG PINANG 7, 11600 PULAU PINANG | 16/5/2012 | 19/06/2012 |
| 183 | LOO AH NYA@LOH PHAIK HOON | 432XXXXX/52091107XXXX | 245-E, JELUTONG BARAT, 11600 PULAU PINANG | 15/6/2012 | 15/06/2012 |
| 184 | ONG CHEN YANG | 87072607XXXX | 107-05-08, PERSIARAN GAMBIER 11700 PULAU PINANG | 02/09/2012 | 03/10/2013 |
| 185 | LINUS HON SI JUN | 92083006XXXX | 272-2-9, LORONG TAMPIN, 10150, PULAU PINANG | 13/9/2012 | 13/09/2012 |
| 186 | ONG GEOK BENG | 84041407XXXX | 224-E-1-4, JELUTONG ROAD, 11600 PULAU PINANG | 08/10/12 | 08/10/2012 |
| 187 | TERRECE TEOH | 92011507XXXX | AT-G-8, TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 08/10/12 | 01/03/2013 |
| 188 | CHOO SAY HOON | A297XXXX/75020707XXXX | BLK 48-1-7, JLN VAN PRAAGH, TAMAN SERI HIJAU, 11600 PULAU PINANG | 13/11/2012 | 24/02/2014 |
| 189 | CHEAH SIEW TIN | 76030307XXXX | 563, JALAN JELUTONG, 11600 PULAU PINANG | 27/11/2012 | 27/11/2012 |
| 190 | LIM LAY LAY | 76111707XXXX | 12-15-4, TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060, AYER ITAM PULAU PINANG | 21/03/2012 | 21/03/2012 |
| 191 | OOI GUAT ENG @ AH HUA | 28060707XXXX | NO.288B-3-1, FORTUNE COURT, JLN THEAN TEIK 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG | 23/10/2013 | 06/12/2013 |
| 192 | POR LYE AIK | A216XXXX/72022207XXXX | 22 SEH TAN COURT, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 18/11/2013 | 02/01/2014 |
| 193 | LOO PEIR JING | 87112535XXXX | 3Y LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700, GELUGOR, PULAU PINANG | 11/02/2014 | 11/02/2014 |
| 194 | HO YONG CHOON | A159XXXX/70071507XXXX | BLK 7-12-31, PINANG COURT, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG | 24/2/2014 | 24/2/2014 |
| 195 | LIM CHENG IMM | A136XXXX/69090307XXXX | 8Q, JLN DELIMA, ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG | 03/03/2014 | 03/03/2014 |
| 196 | TANJEET KAUR A/P SURJAN SINGH | A035XXXX/66020407XXXX | 56-H, JALAN GURDWARA 10300 PULAU PINANG | 24/03/2014 | 24/03/2014 |
| 197 | FONG ENG | 708XXXX/63062507XXXX | 39-8-19, KRYSTAL HEIGHTS, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 15/04/2014 | 15/04/2014 |
| 198 | RAJA SANDOW A/L KRMANDHI | 388XXXX/47062807XXXX | 52-2-3, MUTIARA INDAH, CANGKAT BUKIT GAMBIR, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 01/06/1978 | 11/05/2009 |
| 199 | CHANDRARAJ A/L THAMBIRAJA | 711XXXX/ 63081007XXXX | BLOK 6-2-7, BUKIT GEDUNG HEIGHTS APARTMENT, CHANGKAT MAYANG PASIR, 11900 BYN LEPAS, PULAU PINANG | 01/06/1989 | 16/8/2012 |
| 200 | JOTHEE A/L MUNIANDY | A209XXXX/ 72012607XXXX | M-10-8, TMN FREE SCHOOL, 10460 PULAU PINANG | 08/12/1999 | 22/8/2013 |
| 201 | SRITHARAN A/L SHANMUGAM | A337XXXX/76061907XXXX | 22-5-10, LORONG HIJAU 8, OFF JLN SIR IBRAHIM, 11600 PULAU PINANG | 04/10/2000 | 29/3/2012 |
| 202 | A AYAMAH A/P AYAHNA @AYYAPAN NAIKEE | A074XXXX/ 67080207XXXX | NO.14, TINGKAT MIDLANDS 10250 PULAU TILUS PULAU PINANG | 30/07/2000 | 24/4/2013 |
| 203 | SYED UMAR BIN RASUL KHAN | A225XXXX/72051107XXXX | 2C-07-10 DESA AIR MAS JLN HELANG, SG DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2000-03-29 | 2011-10-05 |
| 204 | MUNIANDY SELVAM A/L SUPPIAH | 791214075XXXX | BLOK 4E-06-09 LORONG SEMARAK API SATU BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | 2001-12-05 | 2014-01-09 |
| 205 | NAGOVINDRAN A/L SAMINATHAN | 748XXXX /64120707XXXX | 30 CANGKAT MINDEN JALAN 7 MINDEN HEIGHTS GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2002-01-17 | 2014-01-21 |
| 206 | GOVINDARAJU A/L KRISHNAN | A249XXXX/ 73060907XXXX | 402, BATU FERINGHI 11100 PULAU PINANG | 2002-04-02 | 2012-04-27 |
| 207 | KAMALA A/P ARUNASALAM | 687XXXX/ 62090707XXXX | 18, JLN SYED ABDULLAH ALSAGOFF TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG | 2002-05-13 | 2012-10-16 |
| 208 | PUSPAVATY A/P KATHAN MUTHU | A041XXXX//66042707XXX | 101-C, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG | 2002-05-30 | 2012-08-17 |
| 209 | KUMUTHA A/P GOVINDAN | 79010107XXXX | KM2-7, TAMAN FREE SCHOOL SUNGAI PINANG 10460 PULAU PINANG | 2002-06-26 | 2012-05-10 |
| 210 | MOHD. FAZLI BIN ABDULLAH | A121XXXX/ 68052907XXXX | D--8-21, FLAT UDA TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 2002-08-06 | 2012-06-19 |
| 211 | INDRADEVI A/P KALIMITHU | A05XXXX /66111007XXXX | 2C-11-16, MEDAN ANGSANA 1 FARLIM 11500 PULAU PINANG | 2002-09-09 | 2013-04-11 |
| 212 | SARAVANAN A/L SUPRAMANIAM | A365XXXX/77051607XXXX | BLOK 2-18-7, LTG KG MELAYU 2 DESA MAWAR FARLIM 11500 PULAU PINANG | 2002-09-26 | 2014-02-28 |
| 213 | SURESH KUMAR A/L DORAI RAJ | 78101607XXXX | 307, LINTANG BAKAU JELUTONG GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG | 2003-02-17 | 2011-05-27 |
| 214 | MEENAKSHI A/P RAMANATHAN | A333XXXX/ 74091408XXXX | 48-G-9, LAHAT COURT JLN SEKOLAH LA SALLE AIR ITAM 10450 PULAU PINANG | 2003-04-15 | 2013-10-28 |
| 215 | KUMARATHAL A/P K RETHINASAMY | 771XXXX /49062771XXXX | 11-A, CHANGKAT DELIMA 2 ISLAND GLADES GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2003-04-18 | 2013-06-25 |
| 216 | BASKARAN A/L K MUNIANDI | A159XXXX/ 70050607XXXX | BLOK 1 BILIK 3 SERI MUTIARA QUATERS, JLN. UTAMA, P. PINANG. 10500 PULAU PINANG | 2003-05-29 | 2013-01-08 |
| 217 | RAMANI A/P SINNATHAMBY | 448XXXX/ 53060307XXXX | 402C, JLN BKT DUMBAR JELUTONG 11600 PULAU PINANG | 2003-07-17 | 2012-04-27 |
| 218 | SOOREAS A/L KANDISEN | A242XXXX /72100507XXXX | BLOK A-G-4, RUMAH PPRT JALAN SUNGAI GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG | 2004-02-16 | 2011-11-17 |
| 219 | KRISHNAVENI A/P SINGARAM | A281XXXX/ 74051207XXXX | BLOK 6H-2-3 JLN SEMARAK API 2 FARLIM 11500 PULAU PINANG | 2004-03-01 | 2013-11-25 |
| 220 | RAVICHANDREN A/L THAVASI | A180XXXX/ 71031402XXXX | 779-C, MUKIM 13, LORONG ENDAH 1 BROWN GARDEN GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2004-05-14 | 2012-08-03 |
| 221 | CHANDRAMALAR A/P GOVINDAN | A299XXXX/ 75032407XXXX | KM2-7, TAMAN FREE SCHOOL 10460 PULAU PINANG | 2004-07-28 | 2012-04-19 |
| 222 | MARDAMUTHU A/L RAMASAMY | A275XXXX / 74091107XXXX | 463J, JLN DATO KERAMAT GEORGETOWN 10150 P. PINANG | 2004-09-23 | 2012-03-20 |
| 223 | PARTIBAN A/L THANIMALAI | 721XXXX /63010107XXXX | JELUTONG PARK BLOK 1-18-06 LINTANG MADRASAH 11600 PULAU PINANG | 2004-09-24 | 2011-04-07 |
| 224 | VEJAYANTHERAN A/L LOGANATHAN | A172XXXX/70092107XXXX | 45, MUKIM 13, JLN EMPAT AYER ITAM 11500 PULAU PINANG | 2004-09-24 | 2013-09-17 |
| 225 | MOHAMED SHAJAHAN BIN B A SHAHUL HAMEED | A332XXXX/ 76042871XXXX | G-3-6, FLAT UDA TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 2004-10-25 | 2012-04-06 |
| 226 | MUNIANDY A/L SUBRAMANIAM | 602XXXX/ 57083108XXXX | BLOK 50-4-6 TMN YEW LEAN JLN PERAK 11600 PULAU PINANG | 2004-12-10 | 2013-10-28 |
| 227 | VASUGEE THAVI A/P ARUMUGAM | 094XXXX /48040507XXXX | 41 LORONG CEYLON 10050 P/PINANG | 2004-12-15 | 2012-04-03 |
| 228 | VELAYUTHAM A/L RAMASAMY | 80052707XXXX | 101C JALAN SP CHELLIAH GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG | 2005-01-03 | 2012-05-28 |
| 229 | V THASARATHAN A/L VARATHARAJOO | A098XXXX 68042407XXXX | 39-8-55 KRISTAL HEIGHTS JLN DELIMA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2005-02-02 | 2012-03-21 |
| 230 | THANABALAN A/L SINGARAM | 81101007XXX | 6H-2-3 JLN SEMARAK API FARLIM, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | 2005-03-14 | 2013-03-25 |
| 231 | GOBI A/L YEGAMBARAN | A378XXXX / 77122607XXXX | 678-K, LDG HONG SENG MT. ERSKINE JLN TG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 2005-06-21 | 2013-10-11 |
| 232 | HASSAN ALY BIN OMAR KHAN | 78061007XXXX | 180 D, JALAN AIR ITAM 10460 PULAU PINANG | 2006-02-15 | 2013-05-28 |
| 233 | SUMATHI A/P BELAIZAM | A356XXXX/76020307XXXX | 2-6-7, FLAT PPR TMN MANGGIS JLN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG | 2006-03-07 | 2013-10-04 |
| 234 | MANIMARAN A/L ARUMUGAM | 88060907XXXX | BLOK B-5-1 JLN SUNGAI GEORGETOWN 10150 P.PINANG | 2006-03-25 | 2012-05-10 |
| 235 | MOHAMED HASANI (PPR7) | A183XXXX/ 69061010XXXX | BLOK AE3-4, TMN. TUN SARDON GELUGOR, PULAU PINANG. 11700 PULAU PINANG | 2006-05-17 | 2013-10-28 |
| 236 | AISHAH BEE BT ABDUL KASIM | 78090207XXXX | 1A-14-04, MUTIARA IDAMAN 1 SOLOK TENGKU 11600 PULAU PINANG | 2006-11-13 | 2013-07-17 |
| 237 | RAGU A/L RAMALINGAM | 84032507XXXX | 1062, BLOK A-20-27, TMN HIJAU JLN PAYA TERUBONG AIR ITAM 11060 PULAU PINANG | 2007-01-23 | 2012-01-25 |
| 238 | SAHUL HAMID BIN SHAIK DAWOOD | A090XXXX /68011407XXXX | BLOK 27-4-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 3 11060 PULAU PINANG | 2007-04-23 | 2014-02-05 |
| 239 | VASU A/L DARMALINGAM | A337XXXX/ 76061107XXXX | 4C-8-10 LORONG SEMARAK API 1, FARLIM, BANDAR BARU AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG. | 2007-07-10 | 2012-03-16 |
| 240 | RAMARU A/L ANJANG | A233XXXX /72101807XXXX | BLOK 33-3-5 TAMAN SOON BOON KEE JALAN MAKLOOM GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG | 2007-07-20 | 2012-01-18 |
| 241 | AUGUSTINE A/L SANTHANASAMY | A310XXXX/ 75061807XXXX | 691 R, MOUNT ERSKINE HONG SENG ESTATE 10470 PULAU PINANG | 2007-07-26 | 2012-04-19 |
| 242 | MURALYE A/L SUBRAMANIAM | A198XXXX/71050307XXXX | 47, TAMAN TUN SARDON GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2007-08-01 | 2013-05-07 |
| 243 | RENUKA DEVI A/P OM PRAKASH | A361XXXX/ 77041007XXXX | 10, LINTANG PERMAI 3 TAMAN BROWN GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 2007-09-14 | 2013-04-18 |
| 244 | KUMARAVELU A/L SOOKALINGAM | A332XXXX/ 76030609XXXX | 1322, KAMPUNG CHEETY JALAN BATU FERINGHI BATU FERINGHI 11100 PULAU PINANG | 2007-10-26 | 2012-04-27 |
| 245 | SUGANTHIRAN A/L NADASAMY | A319XXXX/75120107XXXX | 5-09-11 DESA MAWAR LTG.KG.MELAYU 2 AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | 2007-10-29 | 2014-02-14 |
| 246 | SHANKAR A/L SALAMUTHU | 88021923XXXX | 598-06-C, MENARA ASAS DUNIA, 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG | 24/08/2010 | 24/8/2010 |
| 247 | DINESH A/L SALAMUTHU | 89102307XXXX | 598-6-C, MENARA ASAS DUNIA, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG | 24/08/2010 | 26/2/2014 |
| 248 | DEV ANAND A/L RAJENTHARAN | 8603223XXXX | 18-03-08, SRI NIBONG APARTMENT, JLN DR AWANG 11900 PULAU PINANG | 30/12/2010 | 10/05/12 |
| 249 | YUGENTHRAN A/L LEIONATHAN | 86052535XXXX | 1B-4-6,PANGSAPURI AIR PUTIH,BANDAR BARU AIR PUTIH, 11000 PULAU PINANG | 17/1/2011 | 11/07/13 |
| 250 | SUDHAGARAN STANLEY A/L KANAGA SUNDA | 85102607XXXX | 63A-9-15, SYMPOHNY PARK, JLN LENGGONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 18/1/2011 | 18/1/2011 |
| 251 | L RAMESH A/L LETCHEMENAN | 83061507XXXX | 3-17-20, GREENLANE HEIGHTS, JLN GANGSA, 11600 PULAU PINANG | 18/1/2011 | 27/4/2012 |
| 252 | BAWANEE A/P KASIAEVANATAN | 83030707XXXX | 2C-7-8 D, PLAZA CONDOMINIUM LENGKOK MAYANG PASIR 11950 PULAU PINANG | 18/4/2011 | 18/1/2012 |
| 253 | NITHYANANTHAN A/L SHUMUGAM | 84102707XXXX | BLOK 1B-08-07, IDAMAN LAVENDER LINTANG SUNGAI ARA, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 24/5/2011 | 02/07/13 |
| 254 | THIRUSELVI A/P SUPURIAMANIAM | 85091907XXXX | NO.7 LORONG PAUH JAYA 2/7, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI, PULAU PINANG | 08/07/2011 | 18/1/2012 |
| 255 | LOGANATHAN A/L JAYABALA | A355XXXX | G-2-4, TMN BUKIT JAMBUL, JLN TUN DR AWANG 11900 BYN LEPAS PULAU PINANG | 7/12//2011 | 18/1/2012 |

**SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANG DITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT**

**NOTIS BANTAHAN**

***** Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh paparan dimuatnaik.**

**Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke Bahagian Perumahan, Tingkat 20 KOMTAR**

**Nama Pembantah:** ____________________

**No.K/P:** ____________________ **Alamat / E-Mel:** ____________________

____________________ **No.Tel:** ____________________

**Nama yang diBantah:** ____________________

**Sebab bantahan :** ____________________

*** Semua maklumat di atas wajib diisi. Banta han tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak lengkap**

# MPSP komited lahirkan Seberang Perai yang lebih sihat




MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan P. Kasthuriraani (kanan sekali) melepaskan para peserta.

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 650 peserta menyertai Larian Menara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2014 yang diadakan di ibu pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit di sini baru-baru ini.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, aktiviti sihat berkenaan merupakan penganjuran tahun kedua sejak diadakan pada tahun lepas.

"Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk melahirkan Pulau Pinang yang lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, MPSP berharap penganjuran sukan ini mampu melahirkan masyarakat yang mementingkan kesihatan.

"MPSP ingin memperkenal dan mengembangkan aktiviti sukan dan riadah dengan harapan ia dapat meningkatkan tahap kecergasan serta kesihatan penduduk Seberang Perai," katanya pada Majlis Flag Off Larian Menara MPSP 2014 di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, peserta larian tersebut menamatkan larian sejauh 7 kilometer mengelilingi Bandar Perda sebelum berlari menaiki 412 anak tangga di dalam bangunan MPSP sehingga ke tingkat 16.

"Penyertaan yang amat mengalakkan pada kali ini menggambarkan kerjasama dan sokongan padu daripada masyarakat terhadap program kesihatan anjuran MPSP.

"Ini merupakan tanda positif dan sokongan daripada masyarakat setempat.

"Adalah diharapkan agar lebih ramai lagi yang akan menyertai pada masa akan datang," ujar Maimunah.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan tiga Ahli Majlis MPSP iaitu Tan Cheong Heng, Ahmad Tarmizi Abdullah dan Mohamad Shaipol Ismail.

Sebanyak enam kategori dibuka kepada para peserta melibatkan pelbagai peringkat umur. Bagi menarik lebih banyak penyertaan pada penganjuran kali ini, setiap penyertaan diberikan sijil dan medal sebagai tanda penghargaan selain pemenang yang membawa pulang hadiah wang tunai serta trofi.



PARA pemenang menunjukkan medal dan sijil penyertaan diterima bersempena penganjuran Larian Menara MPSP 2014 di sini baru-baru ini.

## Hotel tanpa lesen, PBT ambil tindakan tegas



CHOW Kon Yeow (tengah) pada majlis sidang media berhubung hotel tanpa lesen di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKFILI**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa beliau mewakili pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini sedia menyahut cabaran Pengerusi Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MAHB) Pulau Pinang untuk mengambil tindakan tegas terhadap hotel yang tidak mempunyai lesen.

Perkara itu dinyatakan pada sidang media bagi mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Cina yang mana pengerusi persatuan terbabit, Datuk Lim Mee Lee mencabar PBT negeri ini supaya mengambil tindakan terhadap pemilik hotel berkaitan.

"Saya memandang serius terhadap cabaran ini kerana ia merupakan tanggungjawab PBT dalam memastikan pengoperasian hotel di seluruh negeri (ini) mempunyai lesen bagi mengelakkan perkara-perkara tidak diingini berlaku lalu menjadi isu berbangkit.

"Isu penguatkuasaan pemutihan seperti ini sepatutnya tidak dipertikaikan mana-mana pihak.

"Tambahan pula, notis pemutihan ini telah diberi dan perjumpaan dengan pemilik hotel telah diadakan sejak bulan Mac tahun ini lagi," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pada perjumpaan Mac lalu, Kon Yeow pernah memaklumkan bahawa pemilik-pemilik hotel bajet mesti mengemukakan permohonan lesen masing-masing sebelum 30 September ini.

Kon Yeow memberitahu, mengikut peruntukan undang-undang, lesen hotel terbahagi kepada tiga akta iaitu Akta Lesen Perniagaan, Akta Perancangan Bandar dan Desa serta Akta Jalan Parit dan Bangunan.

"Ketiga-tiga akta ini mampu menyebabkan pemilik yang tidak mempunyai lesen didenda dari RM250 hingga tidak melebihi RM500,000 serta penjara maksimum kurang dari tiga tahun sekiranya didapati bersalah," jelas beliau.

Tambahnya, sebagai tambahan, pemilik-pemilik hotel juga perlu faham bahawa pemutihan yang dijalankan bukan untuk menyusahkan, tetapi demi kepentingan serta keselamatan pengunjung dan pemilik.

## Pusat Khidmat Bergerak platform aduan & maklumat



A. Kumaresan (dua dari kiri) ketika turun padang menyertai aktiviti Pusat Khidmat Bergerak di salah sebuah pasar malam Parlimen Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Pusat Khidmat Bergerak baru dilancarkan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Kumaresan di sini membolehkan orang ramai dan komuniti setempat membuat aduan berhubung pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit serta pendaftaran program-program Emas Kerajaan Negeri.

Kumaresan berkata, dengan tertubuhnya pusat khidmat hasil kerjasama dengan Pusat Khidmat Parlimen Bayan Baru, ia telah memudahkan orang ramai menyalur serta mendapatkan maklumat berkaitan.

"Demi keselesaan orang ramai, mereka boleh membuat aduan atau pendaftaran terus melalui Pusat Khidmat Bergerak ini.

"Mereka bukan sahaja boleh menyalurkan aduan berhubung MPPP, malah, mendapatkan maklumbalas lebih pantas apabila saya sama-sama akan turun padang ke lokasi-lokasi tersebut," ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain itu, menurut Kumaresan, pusat tersebut turut menawarkan sesi pendaftaran program-program Emas Kerajaan Negeri membabitkan warga emas, ibu tunggal, pelajar atau sebarang program anjuran Kerajaan Negeri.

"Kita akan memperbanyakkan lokasi mobil sehenti ini di kawasan tumpuan orang ramai seperti pasar malam sekitar Parlimen Bayan Baru selain di Bukit Gedung yang diadakan sebelum ini," ujar beliau.

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 04 – 641 3088.

# Operasi CCTV di Seberang Perai 24 jam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Sebanyak 86 kamera litar tertutup (CCTV) siap dipasang di beberapa lokasi strategik sekitar Seberang Perai serta beroperasi 24 jam demi meningkatkan mutu keselamatan rakyat di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telahpun menambah bilangan pegawai operasi di bilik pemantauan CCTV sebagai usaha membantu polis mengawasi jenayah.

"(Pemantauan CCTV) 24 jam MPSP dengan sokongan polis di Seberang Perai sahaja.

"(Ini kerana), tak cukup Pulau Pinang dilihat selamat, tetapi, yang lebih penting tiap-tiap kita (rakyat) benar-benar berasa selamat," ujarnya pada majlis perasmian operasi di bilik kawalan CCTV dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri, wakil Ketua Polis Negeri dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud turut menyertai majlis tersebut.

Difahamkan, MPSP memasang 56 CCTV untuk tempoh lima tahun, menelan belanja RM9.8 juta.

Baki, 30 CCTV lagi disumbangkan oleh pembekal, syarikat swasta.

"37 (CCTV) dipasang di Daerah Seberang Perai Tengah, 46 di Seberang Perai Tengah dan 27 Seberang Perai Selatan," jelas Guan Eng.

Itu, katanya, tidak termasuk 24 CCTV yang dipasang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak tahun 2011, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 110 buah.

"Saya difahamkan bahawa KPKT akan menyumbangkan 20 buah CCTV kepada majlis (MPSP) pada hujung tahun ini," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.



BEBERAPA pengunjung meneliti monitor CCTV bersempena Majlis Perasmian Operasi Bilik Kawalan CCTV MPSP di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kerjasama bersepadu dengan polis, pemajuan sistem teknologi cegah jenayah seperti CCTV dan lampu jalan, serta mewujudkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) merupakan tiga kaedah yang diamalkan Kerajaan Negeri demi mewujudkan perasaan selamat dalam kalangan rakyat di negeri ini.

## Kaji pelan blok, ringan beban penduduk luar bandar

**GEORGE TOWN** – Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Nur Zarina Zakaria menggesa agar pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan mengkaji serta mempertimbangkan penggunaan semula pelan blok kebanyakannya oleh penduduk luar bandar berhubung permohonan mendirikan kediaman sendiri di atas tanah tidak melebihi keluasan 1,000 kaki persegi.

Ini kerana, katanya, sejak ia dimansuhkan pada penghujung tahun 2013 dan digantikan dengan permohonan merancang, ia secara jelas membebankan penduduk berkaitan.



NUR Zarina Zakaria (berdiri) ketika membentangkan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa MPPP di sini baru-baru ini.

"Dahulu, kadar bagi mendapatkan pelan blok adalah amat berpatutan dan tidak membebankan penduduk khususnya mereka dari luar bandar.

"Tetapi, disebabkan oleh kelonggaran permohonan dan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab, penggunaannya telah digantikan dengan proses permohonan merancang.

"Permohonan merancang ini telah membebankan penduduk luar bandar dengan mengambil kira segala kos yang perlu ditanggung oleh mereka," jelasnya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa MPPP di Dewan Bandaran baru-baru ini di sini.

Oleh itu, Nur Zarina mencadangkan agar MPPP dapat melakukan kajian semula bagi menambah baik pelan blok tersebut agar selaras dengan peningkatan isi rumah luar bandar.

"Dengan penambahbaikan tersebut, saya percaya ia mampu mengurangkan peningkatan kadar pembangunan struktur tanpa pelan merancang, malah di samping itu, dapat meningkatkan pendapatan Majlis melalui pembayaran cukai," ujar beliau.

## Guna ruang pamer mesej positif – Ahli Majlis



TAN Hooi Peng (berdiri) ketika sesi ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa MPPP di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) digesa memanfaatkan penggunaan ruang di perhentian bas dan papan iklan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kebudayaan dan kesenian.

Pendapat tersebut disuarakan Ahli Majlis MPPP, Tan Hooi Peng ketika sesi ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 08 Tahun 2014 di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Kata Hooi Peng, MPPP selaku PBT dapat memperluaskan peranannya selain isu-isu kehidupan masyarakat seperti pembuangan sampah, lesen, tempat letak kenderaan dan lain-lain.

"MPPP boleh memperluaskan peranannya lagi dengan mengambil kira aspek pendidikan, kebudayaan dan kesenian.

"Banyak mesej yang boleh disalurkan kepada orang awam menerusi pondok-pondok bas, sepanduk-sepanduk ataupun papan iklan milik MPPP.

"Sebagai contoh, Majlis boleh bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain untuk menyalurkan mesej-mesej positif ini kepada orang awam seperti 'menentang keganasan terhadap wanita', 'memberikan keutamaan kepada orang tua' atau sebagainya," ujarnya baru-baru ini.

Menurut Hooi Peng, perhentian bas juga boleh dijadikan sebagai medium untuk memaparkan lukisan tertentu seperti kanak-kanak sekolah rendah.

"Lukisan-lukisan ini akan menghidupkan suasana perhentian bas dan menukar stigma masyarakat bahawa hentian bas merupakan suatu tempat yang kotor dan membosankan.

"Secara tidak langsung, Majlis mampu memberikan sumbangan lebih besar dalam pendidikan melalui mesej-mesej ini selain hanya menggunakan papan iklan untuk tujuan komersial atau pun berperanan sebagai *event teller* sahaja," kata beliau.

# Lif selalu rosak, penduduk kesal pengurusan MC

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**



PARA penduduk beratur ketika cuba menggunakan lif yang dipercayai rosak.



DR. T. Jayabalan (tengah) bersama-sama penduduk menunjukkan tanda tidak bagus sambil berlatarbelakangkan lif yang dipercayai rosak di Blok H, Taman Bukit Jambul di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T Jayabalan melahirkan rasa kesal terhadap pihak pengurusan (MC) Blok H, Taman Bukit Jambul di sini ekoran masalah kerosakan lif yang terpaksa dihadapi para penghuni berkaitan.

"Saya mengutuk tindakan MC yang seolah-olah tidak mahu mengambil tahu tentang aduan berkaitan.

"Kalau penduduk semua boleh datang termasuk saya sendiri (hari ini), tetapi kenapa MC langsung tidak boleh menunjukkan muka di sini untuk mencari penyelesian?" tegasnya pada lawatan ke lokasi sini baru-baru ini.

Jayabalan memberitahu, masalah tersebut dipercayai begitu meruncing sehingga terdapat penduduk yang menyatakan hasrat untuk berpindah ekoran kemelut dihadapi.

Seorang penduduk, K. Jamuna, 43, berkata, kerosakan yang berlaku seolah-olah sangat biasa di sini.

"Adakalanya kedua-dua lif rosak, kerosakan boleh terjadi sehingga lapan bulan lamanya, apabila dibaiki, malangnya hanya bertahan beberapa hari sahaja sebelum ia rosak semula.

"Bila bertanya dan *complain* pada MC, kami bakal menerima jawapan yang kurang baik serta dimarah pula," katanya yang turut menyatakan simpati terhadap penduduk uzur serta kurang upaya.

Ekoran itu, Jayabalan mencadangkan supaya mendapatkan 25 peratus tandatangan penduduk sebagai proses awal menukar pengurusan sedia ada.

## Kupon amal bantu dua rumah kebajikan



LIM Siew Khim (tiga dari kiri) bersama-sama Jeff Ooi Chuan Aun (tengah) menyampaikan cek kepada dua wakil badan kebajikan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Cek Amal di sini baru-baru ini.

**AMAL...** Inisiatif penganjuran jualan kupon amal pada perlawanan akhir Piala Dunia 2014 di Auto Mall Persiaran Karpal Singh di sini baru-baru ini berjaya mengumpulkan RM6,000 kepada dua badan kebajikan di sini.

Wang tersebut kemudian diserahkan kepada dua badan kebajikan, Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Pulau Pinang dan Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang. Kedua-dua rumah tersebut masing-masing menerima RM3,000.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, acara anjuran Pusat Khidmat ADUN Sungai Pinang bersama pihak pemaju dan premis penjualan kereta, Zeon Properties & Automobile terbabit berjaya menarik minat orang ramai bersantai sambil menderma dengan membeli kupon makanan serta minuman pada perlawanan akhir yang disiarkan melalui layar besar di sini.

"Diharap projek seperti ini dapat diadakan lebih kerap membabitkan badan-badan lain bagi membantu golongan memerlukan dan kurang bernasib baik,'' katanya ketika menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Cek Amal di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

## Pohon sumbangan bantu OKU



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) beramah-mesra dengan salah seorang bayi yang hadir pada Majlis Amal Projek Bank Makanan di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT –** Persatuan Tongkat Putih, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan setahun lalu, bergiat aktif membantu golongan orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan.

Namun, menurut Pengerusinya, Swaran Singh, persatuan yang bergerak menggunakan dana persendirian itu kini memerlukan dana tambahan bukan sahaja untuk membiayai kos pengoperasian, tetapi juga bekalan makanan.

"Kami memohon orang ramai untuk menyalurkan sumbangan bagi membolehkan kami terus membantu golongan OKU ini," katanya pada Majlis Amal Projek Bank Makanan yang diadakan di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Abdul Malik ketika berucap berkata, konsep bank makanan bukan sahaja dapat menggalakkan syarikat-syarikat perniagaan supaya menyertainya, malah juga mampu memupuk kesedaran untuk terus membantu golongan memerlukan.

"Inisiatif ini sebenarnya telah dimulakan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, New Zealand serta Australia serta di Malaysia ia merupakan sesuatu yang baru serta amat positif dalam usaha membantu golongan OKU serta mereka memerlukan," katanya yang mengharap agar projek tersebut dapat diteruskan bukan sahaja membantu golongan OKU, tetapi juga anak-anak yatim, orang-orang tua, miskin dan fakir.

Pada majlis berkenaan, Abdul Malik turut meluangkan masa selama sejam menyampaikan sumbangan makanan dan sumbangan Pusat Urus Zakat (PUZ) kepada mereka terpilih.

Bagi mereka yang ingin menghulurkan bantuan, hubungi talian **04 - 226 1699** atau Swaran Singh, **016 - 488 7811.**

# Cityliner sedia dua bas laluan baru Machang Bubuk

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBUK –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap agar kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menjamin kelangsungan pembangunan lestari di negeri ini.

Kon Yeow berkata demikian pada Majlis Pelancaran Laluan Bas Machang Bubuk ke Bukit Mertajam di Taman Machang Bubuk di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, laluan baru tersebut tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama pihak SPAD yang telah memberikan permit kepada operator bas, Syarikat Bas Cityliner (Cityliner) untuk menjalankan perkhidmatan di sini.

"Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat terutama sekali SPAD yang sanggup bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri," ujarnya.

Tambah beliau, usaha untuk mewujudkan laluan berkenaan asalnya datang daripada Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon untuk kemudahan penduduk setempat.

"Laluan baru ini merangkumi lokasi-lokasi strategik yang mana melalui kawasan-kawasan perumahan yang sebelum ini tidak mempunyai perkhidmatan bas.

"Ini secara tidak langsung dapat memudahkan penduduk setempat bergerak tanpa perlu berjalan jauh ke jalan utama," kata beliau.

Buat permulaan, pihak Cityliner akan menyediakan dua bas yang bakal merangkumi jarak sejauh 12 kilometer dengan frekuensi setiap 40 minit.

"Perjalanan terawal akan bermula pada jam 7.15 pagi dari Machang Bubuk ke Bukit Mertajam, manakala terakhir akan tamat pada 5.40 petang.

"Jadual perjalanan bas ini dijangka akan memberi kemudahan kepada penduduk di sini terutamanya murid-murid sekolah," tambah Kon Yeow.



**CHOW Kon Yeow (kiri sekali) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil Cityliner merakam gambar kenangan pada Majlis Pelancaran Laluan Bas Machang Bubuk ke Bukit Mertajam di Taman Machang Bubuk di sini baru-baru ini.**

# MP muda sahut ALS *Ice Bucket Challenge*

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS –** Dalam memupuk kesedaran mengenai penyakit *Amyotrophic Lateral Sclerosis* (ALS), Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menerima cabaran untuk melaksanakan aksi *ALS Ice Bucket Challenge* di sini baru-baru ini.

Zairil dan Chee Keong menerima cabaran tersebut setelah dicabar Ahli Parlimen Serdang, Selangor, Dr. Ong Kian Ming sebelum ini.

"Cabaran ini merupakan salah satu cara meningkatkan kesedaran terhadap penyakit kemerosotan neuro progresif yang menjejaskan sel-sel saraf dalam otak dan saraf tunjang sehingga membawa kepada kematian," kata Zairil sebelum melakukan cabaran tersebut.

Serentak itu, mereka masing-masing turut menderma RM250 kepada Rumah Hospis Pulau Pinang, Air Itam. Malah, Pengarah Eksekutif Hunza Properties, Khor Tze Ming mewakili organisasi tersebut turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM1,000 kepada rumah kebajikan sama.

Lanjutan itu, Zairil dan Chee Keong kemudian melontarkan cabaran berkenaan kepada Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Chris Chun Kit Lee dan seorang ahli perniagaan dari Kuala Lumpur, Datuk Vinod Sekhar.

ALS *Ice Bucket Challenge* merupakan kempen kesedaran penyakit *Amyotrophic Lateral Sclerosis* (ALS) atau dikenali juga sebagai *Lou Gehrig's disease* di mana peserta harus menyiram sebaldi air berisi ais ke tubuhnya lalu mencalonkan tiga individu lain untuk melakukan perkara sama.



**ZAIRIL Khir Johari (kiri) menyimbah air berisi ais kepada Steven Sim Chee Keong bagi menyempurnakan *ALS Ice Bucket Challenge* di sini baru-baru ini.**

# Bersih rumah OKU dapat perhatian banyak pihak



**R.S.N. Rayer (tiga dari kiri) menunjukkan replika senapang ciptaan Abdul Rahman Ibrahim (dua dari kiri) yang menjadi kepakarannya pada program gotong-royong di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SERI DELIMA –** Kediaman milik orang kurang upaya (OKU), Abdul Rahman Ibrahim, 53, dekat di sini yang kelihatan agak tidak terurus mendapat perhatian lebih 50 penduduk setempat serta banyak pihak di sini baru-baru ini.

Mereka, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kontraktor pembersihan, Nfaz Enterprise dan Firwan Marican Sdn. Bhd..

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Delima, R.S.N Rayer dalam kenyataannya memuji JKKK setempat kerana berjaya membabit banyak pihak dalam program amal komuniti tersebut.

"Gerakan bantuan besar-basaran bagi membantu Abdul Rahman dibuat selepas menerima aduan daripada JKKK.

"Program amal hari hari ini berjaya melibatkan banyak pihak," ujar Rayer yang turut serta dalam program gotong-royong berkenaan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Abd. Mutalib Mohd. Rawther, 35, berkata, Abdul Rahman seorang yang berdikari sungguhpun sebatang kara.

# Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

*Contoh:*




*Sumber Gambar : Internet*

*Contoh:*









Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................................

Alamat: ..............................................

..............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

..............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ..............................................

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.
12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**

**Kedua: RM300**

**Ketiga: RM150**

**5 Hadiah Saguhati**